

BAB 2

KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik membincangkan fenomena penukaran kod dalam perspektif sosiolinguistik dan juga perspektif linguistik. Selain itu, bab ini juga menjelaskan beberapa contoh kajian berkaitan dengan fenomena penukaran kod, jenis – jenis penukaran kod, ciri – ciri penukaran kod, fungsi serta faktor-faktor berlakunya penukaran kod. Pandangan pengkaji – pengkaji luar negara seperti Ferguson (1959), Gumperz (1977), Poplack (1980 & 1981), Valdis Fallis (1978), Marasigan (1983), Myers-Scotton (1993), Rayfield (1970), Kachru (1983) Iliana Reyes (2004), Bokamba (1988) dan Wan Imran Mohamed Woojdy (2001) telah membantu pengkaji untuk mengetahui fenomena penukaran kod dengan lebih mendalam dan meluas.

Terdapat juga beberapa kajian yang dilakukan oleh pengkaji tempatan dalam bidang penukaran kod. Pengkaji – pengkaji tempatan seperti Noor Azlina Abdullah (1975), Noor Aina Dani (1998), Wong Khok Seng (1987), Mohamad Ghazali Ibrahim (1998), Gan Kheng Leng (2000), Ong Kin Suan (1990), Safiah Osman (1987), Kang Choo Bee (2001), Zaiton Ismail (2004), Zainab binti mokthar (2004), Teo Ai Chinn (2001 / 2002), Teo Kok Seong (1996), Suthanthiradevi (2002), Karen Kow Yip Cheng (2003), Maya Khelmani David (2003), Jariah Mohd. Jan (2003), Malarvizhi Sinayah (2006) dan Zuraidah Mohd.Don (2003) telah mengkaji fenomena penukaran kod.

2.2 Penukaran Kod Dari Perspektif Linguistik.

Pengkaji-pengkaji tempatan mahupun luar negara telah mengkaji penukaran kod dari perspektif linguistik dan sosiolinguistik. Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan pendekatan linguistik yang dipelopori oleh Timm (1978), Poplack (1980), Gumperz (1977), Myers Scotton (1993), Macswan (1999), dan Holmes (2001).

Holmes (2001) yang mengkaji penukaran kod dari perspektif linguistik berpendapat matlamat utama kajian-kajian mengenai penukaran kod yang menggunakan pendekatan linguistik ini adalah untuk membina teori mengenai penukaran kod. Keadaan ini membolehkan pengkaji- pengkaji meramal keadaan penukaran kod yang akan dilakukan oleh penutur dalam satu-satu ujaran.

Tambahan pula, pengkaji penukaran kod dari perspektif linguistik mengatakan penukaran kod tidak berlaku secara rambang malah ia berlaku mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Antara pengkaji terkenal yang menggunakan pendekatan linguistik adalah Macswan (1999) dengan pendekatan minimalis, Myers Scotton (1993) yang memperkenalkan Model kerangka Bahasa Matriks (Matrix Language) dan Poplack (1980) pula mengemukakan kekangan Morfem Bebas (Free Morpheme Constraint).

Poplack (1980) yang mengemukakan kekangan Morfem Bebas (Free Morpheme Constraint) berpendapat bahawa penukaran kod menjadi gramatis apabila terdapat struktur permukaan ayat yang seimbang di jungtur bahasa 1 dan bahasa 2. Penukaran kod terjadi apabila terdapat sekurang-kurangnya dua sistem tatabahasa yang berasingan dalam satu ayat. Maka, penukaran kod berlaku sekiranya seorang penutur menggunakan dua bahasa

secara selang seli dalam komunikasi. Poplack, berpendapat penukaran kod ialah mod percakapan yang terhasil daripada pertindihan tatabahasa dari bahasa 1 dan bahasa 2. Keadaan ini disebut sebagai intra ayat di mana penutur mampu menggabungkan susunan dua bahasa dalam satu ayat.

Pendapat Poplack (1980) agak sama dengan idea Bokamba (1988:24) iaitu seorang lagi pengkaji luar negara yang menggunakan pendekatan linguistik dalam pengkajian penukaran kod. Bokamba menjelaskan bahawa penukaran kod bermaksud penggunaan berbagai-bagai unit linguistik seperti imbuhan, kata, frasa, dan klausa daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam satu ayat. Beliau juga menegaskan, penukaran kod terhasil dengan penggunaan minimum dua bahasa yang berlainan tetapi peraturannya diintegrasikan dalam satu ayat.

Bokamba (1988:51), mencadangkan langkah-langkah seperti menentukan struktur dalaman bahasa 1, memilih dan menyisipkan elemen-elemen leksikal yang berpadanan, menggunakan peraturan fonologi dan morfologi, membandingkan sintaksis bahasa 1 dan bahasa 2 untuk menentukan persamaan bentuk dan dasarnya, menggunakan dan menyesuaikan peraturan sintaksis yang relevan dan menggunakan peraturan transformasi bahasa 1 dan bahasa 2 apabila klausa berpadanan diperlukan untuk pembinaan ayat yang bertukar kod. Pengkaji-pengkaji yang menggunakan pendekatan linguistik bagi mengkaji penukaran kod memberi keutamaan bagi membina dan menentukan satu teori yang berkaitan dan sesuai pada peringkat tatabahasa kepada kedua-dua bahasa yang menukar kod dalam sesuatu ayat.

2.3 Penukaran Kod Dari Aspek Sociolinguistik.

Ada juga pengkaji linguistik mengkaji penukaran kod dari perspektif soisolvinguistik. Menurut Marasigan,E (1983:7) kajian penukaran kod dari perspektif soisolvinguistik adalah mengkaji pilihan bahasa yang berkaitan dengan faktor sosial, domain seperti rumah, keluarga, sekolah, tempat kerja, persahabatan dan sebagainya. Ia juga termasuk faktor dan fungsi bahasa dalam penukaran kod.

Selain itu, ada pula pengkaji yang mengatakan penukaran kod dalam konteks sociolvinguistik mencerminkan perubahan situasi sosial penutur. Sebagai contohnya Bloom dan Gumperz di Hemnesberget (1972), mengkaji pengajaran di bilik darjah. Mereka mendapati guru menggunakan bahasa standard sewaktu aktiviti pengajaran tetapi apabila menggalakkan perbincangan terbuka tentang topik yang diajar dalam kalangan pelajar, maka mereka menukar kod ke bahasa Ranamal. Dalam hasil kajiannya, Bloom dan Gumperz mengelar keadaan penukaran kod ini adalah sebagai penukaran kod situasi.

Tambahan pula, seorang lagi pengkaji tempatan iaitu Gan Khen Leong (2000), menyimpulkan bahawa faktor sosiobudaya mempengaruhi penutur menukar kod mahupun menggunakan penukaran kod dalam komunikasi sebagai satu strategi komunikasi yang berkesan. Hal ini dapat dibincangkan oleh Gan Khen dalam kajiannya mengenai strategi penukaran kod dalam kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina.

Pascasio (1978), dalam kajiannya bertajuk **Dynamics of Code Switching In The Business Domain** telah mengkaji penukaran kod berdasarkan domain perniagaan dalam kalangan beberapa syarikat yang terdapat di sekitar Manila, Filipina. Objektif utama kajiannya adalah bagi mengenal pasti aspek-aspek sosiobudaya yang menyebabkan berlakunya penukaran kod. Dapatan hasil kajian Pascasio, menerangkan terdapat 6 faktor sosiobudaya yang mempengaruhi kepada penukaran kod. Faktor-faktor yang dikenalpasti adalah seperti berikut:-

- i) Perhubungan antara lawan-sapa (role relationship of the interlocutors)
- ii) Umur (age)
- iii) Jantina (sex)
- iv) Topik (topics)
- v) Fungsi pertuturan (speech functions)
- vi) Domain (domain)

(Pascasio:1978:48)

Marasigan,E (1983) juga menjalankan satu kajian penukaran kod dari perspektif sosiolinguistik di Filipina dengan mendapatkan data menerusi sumber lisan dan bertulis. Sampel kajiannya adalah kanak-kanak dan beberapa orang dewasa di Kampus Metro, Manila. Data bagi sumber lisan dikumpul melalui rakaman perbualan yang dibuat secara rambang ke atas kanak-kanak dan orang dewasa. Manakala, data bagi sumber tulisan pula dikumpul melalui penulisan karangan oleh beberapa kanak-kanak dan juga orang dewasa yang dipilih secara rawak. Kajiannya bertujuan mengkaji faktor sosiobudaya dan faktor individu dalam fenomena penukaran kod dalam kalangan mereka. Hasil kajiannya didapati

faktor-faktor sosiobudaya penutur seperti umur, jantina dan pekerjaan, peranan perhubungan, topik, setting, tujuan dan kesan, sikap, nilai, tindak balas pendengar dan emosi individu mempengaruhi penukaran kod.

Seorang lagi pengkaji tempatan Teo Kok Seong (1996), juga telah mengkaji penukaran kod dari perspektif sosiolinguistik. Beliau mendapati pengetahuan, kemahiran dan penggunaan dua atau lebih bahasa yang berlainan secara individu mahupun dalam sesebuah masyarakat membolehkan berlakunya penukaran kod. Selain itu, penukaran kod juga dilakukan untuk beberapa tujuan atau sebab secara sedar mahupun tidak disedari oleh penutur sewaktu berkomunikasi.

2.4 Penukaran Kod Dari Aspek Pendidikan.

Menurut Martin Jones (1998), kajian mengenai penukaran kod di luar dominan pendidikan telah mempengaruhi kajian penukaran kod di dalam bilik darjah. Ini terbukti dengan kajian-kajian terhadap penukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh pengkaji dalam bidang sosiolinguistik.

Antara pengkaji yang mengkaji penukaran kod dalam aspek pendidikan ialah Richard Skiba. Menurut artikel internet yang bertajuk “*Code Switching as a Countenance of Language Interference*” oleh Richard Skiba, mengatakan bahawa penukaran kod digunakan sebagai alat sosiolinguistik (sociolinguistic tool) oleh masyarakat dwibahasa. Selain itu, beliau juga menyatakan penukaran kod digunakan sebagai alat pengajaran

bahasa kedua dalam pendekatan bertimbal balik (reciprocal). Pendekatan bertimbal balik ini digunakan oleh murid yang berlainan bahasa yang ingin mempelajari bahasa kedua.

Dalam situasi tersebut, murid perlu menukar kod terlebih dahulu. Secara tidak langsung murid mahupun guru yang menukar kod perlu menggunakan dua bahasa yang berlainan. Semasa guru memulakan pengajaran, bahasa standard dapat digunakan bagi menyampaikan isi pengajaran malah keadaan ini bertukar di mana, guru mengadakan perbincangan terbuka dalam kalangan murid-murid. Maka, murid-murid yang melibatkan diri dalam perbincangan tersebut bertukar bahasa dan menggunakan bahasa kedua dan sebaliknya. Ini akan menjadikan pelajaran tersebut lebih efektif.

Walaupun berlakunya penukaran kod dalam pembelajaran, namun kaedah ini lebih sesuai untuk seseorang guru untuk menukar kod pada tahap tertentu bagi menarik minat pelajar mahupun menyampaikan isi pelajaran dengan mudah. Selain itu, guru juga dapat menukar kod dalam bilik darjah sewaktu pengajaran dan pembelajaran supaya mereka boleh memberi penjelasan konsep penting, semasa mengulangkaji dan sewaktu memuji atau menegur pelajar. Maka, penukaran kod bolehlah dikatakan sebagai satu strategi pengajaran yang berkesan.

Selain itu, Canagarajah (2001:208), juga menjalankan kajian terhadap penukaran kod ke atas proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas bahasa Inggeris di Sri Lanka. Tujuan utama kajian Canagarajah adalah untuk mengesan penonjolan ideologi melalui pilihan bahasa dan amalan komunikasi. Menurut beliau, secara umumnya konteks ideologi di Sri Lanka terbahagi kepada dua iaitu “**ideologi bahasa Tamil sahaja**” yang didokong oleh regim pemerintah dan “**ideologi bahasa Inggeris sahaja**” yang didokong oleh institusi

ELT (English Language Teaching). Beliau mendapati bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar atau kod rasmi dalam bilik darjah. Manakala bahasa Tamil pula hanya digunakan dalam interaksi luar daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Beliau berpendapat, walaupun wujud penukaran kod ke bahasa Tamil ia hanya digunakan dengan tujuan mengurangkan jurang antara pengetahuan yang diperolehi di sekolah dengan pengetahuan yang diperolehi di rumah. Adakalanya guru-guru menukar kod ke bahasa Tamil dengan tujuan yang tertentu. Beliau mengesan guru-guru tersebut menukar kod ke bahasa Tamil untuk memberi arahan atau peringatan kepada para pelajar, memberi galakkan atau pujian dan untuk menenangkan pelajar yang gugup. Canagarajah menyimpulkan penukaran kod bahasa Tamil yang berlaku hanya semata-mata digunakan dengan niat dan tujuan yang khusus.

Manakala, salah seorang pengkaji tempatan iaitu Suthanthiradevi J.N.J. Money (2002), dari Maktab Perguruan Teknik Malaysia telah menjalankan kajian mengenai Bahasa Melayu Pertuturan Dalam Komunikasi Pelajar India. Data diperolehi daripada rakaman perbualan dan soal selidik sepuluh pelajar dari tingkatan empat yang pendidikan asasnya Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Data dianalisis tentang jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan mesej.

Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi berdasarkan bahasa ibunda (strategi terjemahan literal dan strategi penukaran kod) paling kerap digunakan. Ia dipengaruhi oleh keluarga dan persekitaran pelajar dan bukan pendidikan asas sekolah rendahnya. Pelajar India didapati berfikir dalam bahasa Tamil dan menterjemahkan pemikiran itu ke dalam pertuturan bahasa Melayu. Beliau berpendapat bahawa percampuran antara bahasa Tamil

dengan bahasa Melayu membantutkan pembelajaran bahasa Melayu oleh murid-murid India. Oleh yang demikian, beliau berharap guru-guru harus memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan percampuran kod bahasa Melayu-Tamil di dalam bilik darjah.

Di samping itu, pendapat Macswan (1998), agak bertentangan dengan Suthanthiradevi J.N.J. Money. Menurut Macswan, jika guru-guru beranggapan bahawa penukaran kod adalah satu sifat kurang upaya yang diwarisi oleh seseorang murid. Kekurangan ini boleh diatasi melalui arahan yang secukupnya; maka pengajaran atau penyampaian guru akan menghadkan persepsi murid. Secara tidak langsung ia akan membantutkan kebolehan semula jadi diri murid-murid dan ini akan menjejaskan pencapaian murid di sekolah. Justeru, Macswan dalam kajiannya mengatakan sikap guru-guru yang beranggapan penukaran kod adalah satu sifat kurang upaya perlu diubah .

Dengan meneliti kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji luar seperti Macswan (1998), Canagarajah (2001) dan pengkaji tempatan Suthanthiradevi (2002) dapat disimpulkan bahawa secara amnya penukaran kod digunakan dalam bilik darjah adalah sebagai satu strategi komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Manakala, seorang lagi pengkaji tempatan Zaiton Ismail (2004), telah mengkaji penukaran kod dalam kalangan pensyarah Institusi Pengajian Tinggi tempatan telah mengklasifikasikan fungsi penukaran kod kepada dua golongan, iaitu fungsi sosial penukaran kod dan fungsi akademik penukaran kod. Terdapat enam fungsi sosial penukaran kod yang dikemukakan oleh beliau. Ianya adalah seperti berikut, memberi arahan atau peringatan, mendapatkan atau menggalakkan respons dari murid, menunjukkan

semangat setia kawan, menegur murid dengan berkesan atau mengesahkan budaya natif yang dikongsi bersama, menegaskan autoriti guru dan memberi pujian, galakan atau sebaliknya.

Dalam kajiannya, beliau mendapati Fungsi sosial penukaran kod dalam bilik darjah yang paling kerap dan menyeluruh ialah memberi arahan atau peringatan. Selain itu, beliau juga menyenaraikan empat lagi fungsi penukaran kod yang tidak dapat dikesan dalam kajian beliau. Empat fungsi tersebut adalah seperti berikut; memprovokasi murid untuk berfikir, memberi gambaran bahawa kelas dijalankan dalam bahasa yang diwajibkan, menenangkan murid yang gugup dan menguruskan kelas.

Manakala, terdapat lapan Fungsi akademik penukaran kod yang dipaparkan oleh Zaiton Ismail (2004). Ianya adalah seperti mewujudkan kedwibahasaan akademik, sebagai penanda anjakan pedagogi, mengaitkan isi pelajaran dengan dunia pengetahuan sebenar murid, memperkenalkan topik atau idea baru, sebagai penanda wacana, sebagai penanda implisit istilah teknikal, menghuraikan fakta sedia ada yang dipersembahkan dan fungsi akademik penukaran yang terakhir adalah menghuraikan makna teks bertulis.

Kajiannya menunjukkan bahawa fungsi akademik penukaran kod yang paling kerap digunakan ialah yang berperanan sebagai penanda implisit istilah teknikal. Beliau juga menyarankan dua lagi fungsi akademik penukaran kod yang tidak dapat dikesan melalui kajiannya iaitu fungsi mengurus masa supaya sukatan dapat dihabiskan dan membantu kefahaman murid.

Ong (1990), telah mengkaji penukaran kod dalam kalangan pelajar Melayu tingkatan empat di salah sebuah sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Objektif kajian adalah mengkaji fungsi penukaran kod berdasarkan model yang pernah dikemukakan oleh Gumperz (1982), Poplack (1988), Kachru (1983) dan Rayfield (1970). Berdasarkan model fungsi perbualan itu, Ong ingin mentafsirkan makna sosial penukaran kod aspek kekerapan, peringkat dan arah. Selain itu, penukaran kod juga dianalisis untuk menentukan sama ada ia mempengaruhi pemilihan bahasa subjek .

Ong mendapati, terdapatnya korelasi atau perkaitan antara tahap kecekapan berbahasa subjek dengan amalan penukaran kod. Selain itu, Ong mengesan pelajar yang kurang menguasai bahasa Inggeris lebih cenderung menukar kod dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu semata-mata untuk tujuan kelancaran dan kesinambungan perbualan. Manakala bagi kumpulan yang tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka tinggi, penukaran kod dilakukan sebagai alat retorik iaitu untuk mencapai kesan tertentu yang diinginkan.

Satu lagi kajian penukaran kod dalam pendidikan telah dilakukan oleh Kumar (1985). Tujuan kajian Kumar adalah menyelidik wacana sains yang menggunakan bahasa Hindi – Inggeris dalam kalangan pelajar Ijazah pertama di negara India. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa peratusan penggunaan perkataan bahasa Inggeris amat tinggi dalam interaksi subjeknya. Justeru itu, Kumar merumuskan penukaran kod merupakan kebiasaan yang terdapat dalam wacana saintifik dalam kalangan pelajar India.

Fatimah Chuchu (2001), telah mengendalikan satu kajian mengenai penukaran kod di dua buah sekolah; di Daerah Brunei-Muara. Beliau memilih murid-murid tahun lima sebagai sampel kajian dari dua bandar sekolah yang berbeza. Fatimah menjalankan kajian

mengenai fenomena penukaran kod dari aspek linguistik dan sosiolinguistik. Dalam kajiannya beliau mendapati penukaran kod mempunyai kaitan yang rapat dengan aspek sosiolinguistik khasnya dari segi makna sosial dan tujuan ujaran. Beliau mendapati penukaran kod sering berlaku di bilik darjah dengan beberapa faktor seperti memberi penjelasan, bagi memastikan atau memberi penekanan kepada sesuatu perkara, dan menarik perhatian. Oleh itu, beliau mengatakan penukaran kod menggambarkan perlakuan bahasa yang menunjukkan hasrat atau keinginan seseorang penutur.

Fatimah juga mendapati penggunaan penukaran kod dalam bilik darjah dapat mempermudah proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam pemerhatiannya, beliau mendapati bahawa penukaran kod kepada bahasa Melayu Brunei sering berlaku dalam interaksi bilik darjah.

*“Thus, this strategy of first language transmission of knowledge and information
Is believed to be more effective than undiluted second language explanation.
This leads to better understanding by the pupils, which will or should, of course,
enhance their academic achievement”*

(Fatimah, 2001:446)

Beliau menyimpulkan bahawa penggunaan bahasa pertama murid-murid sebagai satu strategi pengajaran terutamanya untuk membuat penjelasan. Fatimah juga mendapati amalan penukaran kod dipengaruhi oleh faktor-faktor pencapaian akademik. Ini kerana beliau mendapati kanak-kanak Brunei di kelas yang lemah lebih cenderung menukar kod kepada bahasa ibunda mereka. Perkara yang sama juga berlaku, dalam kelas mata pelajaran Sains dan Matematik. Di antara penjelasan yang diberikan ialah istilah dan konsep dalam Sains dan Matematik memerlukan penjelasan yang lebih dan cara yang terbaik untuk

melakukannya ialah dengan menukar kod kepada bahasa pertama kanak-kanak (Fatimah, 2001). Dari sudut sosiolinguistik penukaran kod dilihat sebagai sinonim dengan proses bilingualisme. Interaksi sosial antara kumpulan etnik pelbagai membolehkan berlakunya penyatuan dwibahasa. Hal ini mencetuskan penukaran kod. Oleh yang demikian, ia dianggap sebagai sebahagian daripada cara hidup masyarakat pelbagai bahasa (Asmah, 1982; Kamwangamalu 1989).

Adakalanya penukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran membolehkan guru menyampaikan isi pelajaran dengan mudah dan tepat. Selain itu, murid-murid juga sedar mahupun tidak sedar menukar kod dalam pembelajaran terutama dalam perbincangan supaya ia membolehkan mereka melibatkan diri dalam pembelajaran dengan lebih aktif, selesa dan bersemangat.

2.5 Ciri - Ciri Penukaran Kod.

Pengkaji tempatan Teo Ai Chinn (2001), telah membincangkan ciri-ciri penukaran kod. Menurut beliau, ciri-ciri penukaran kod yang utama adalah seseorang penutur berkebolehan menggunakan pelbagai bahasa atau dwibahasa. Hal ini membolehkan penutur tersebut mencampur banyak perkataan dan frasa dari bahasa yang lain sewaktu berkomunikasi. Misalnya, seorang penutur bahasa Tamil berkebolehan bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Keadaan ini membolehkan penutur tersebut menukar kod sama ada bahasa Tamil ke bahasa Melayu atau bahasa Tamil ke bahasa Inggeris atau pun sebaliknya. Tambahan pula, Jacobson (1995), juga menyokong pendirian ini. Beliau berpendapat

bahawa dalam keadaan begini, bahasa ibunda dan bahasa kedua penutur berkongsi untuk menyampaikan mesej. Melalui percampuran bahasa Ibunda dan bahasa kedua, mesej yang disampaikan oleh penutur lebih jelas dan mudah difahami oleh pendengar.

Ciri penukaran kod kedua yang telah dibincangkan oleh Teo Ai Chinn ialah kelicinan perbualan. Ini bermaksud, penutur dapat berbual dengan spontan dan mengekalkan kelicinan perbualan setiap kali percampuran kod berlaku. Oleh itu, tidak wujud apa-apa kelemahan komunikasi yang menandakan berlakunya percampuran kod. Di sini juga tidak menunjukkan tanda bahawa penutur itu tidak memahami apa yang dituturnya. Kadangkala percampuran kod berlaku kerana dipengaruhi oleh keadaan mahupun situasi yang tertentu.

Teo Ai Chinn (2001), juga menekankan bahawa bahasa-bahasa yang dicampurkan mestilah mirip walaupun ia tidak mempunyai kesamaan dalam ciri-cirinya. Hal ini kerana wujudnya keuniversal bahasa. Sekiranya terdapat ciri-ciri tertentu dalam sesuatu bahasa maka beberapa ciri universal akan beroperasi apabila bahasa-bahasa dicampuradukkan. Oleh itu, ciri-ciri universal wujud dan semua ciri itu mungkin ditemukan akhirnya.

Teo Ai Chinn juga menjelaskan bahawa proses penukaran kod boleh berlaku antara bahasa-bahasa yang berbeza atau sama dalam satu rumpun bahasa. Antara bahasa yang tidak serupa dari segi genetik adalah seperti bahasa Tamil dari rumpun bahasa Dravida, bahasa Inggeris dari rumpun bahasa Indo-Eropah dan sebagainya. Manakala, bahasa Tamil, bahasa Malayalam, bahasa Telugu dan bahasa Kannadam adalah dari rumpun bahasa yang sama. Bahasa-bahasa tersebut digolongkan dalam bahasa Dravida.

Sehubungan dengan ini, Poplack (1980), berpendapat bahawa fenomena penukaran kod yang berlakunya dalam kalangan penutur tidak disedari. Ini bermaksud percampuran kod yang terjadi itu adalah di luar tahap kesedaran penutur sehingga bahasa yang digunakannya semasa komunikasi tidak menentukan ragamnya. Sebagai contoh, seorang murid India sedang bercakap dengan menggunakan bahasa Tamil dengan rakan keturunan yang sama. Tiba-tiba murid tersebut menukar bahasanya ke bahasa Inggeris. Maka, secara tidak langsung pendengar juga turut menukar ke bahasa Inggeris untuk menjawab soalan yang ditanya oleh kawan. Hal ini jelas membuktikan bahawa fenomena pencampuran kod itu terjadi sewaktu komunikasi tanpa disedari atau dirancang oleh penutur.

Manakala Carol Myers-Scotton (1993), pula mengatakan bahasa-bahasa yang ditukar kod mempunyai dua fungsi yang berlainan. Fungsi pertama adalah sebagai bahasa wahana (matrix language) dan fungsi kedua pula ialah sematan (embedded language). Beliau mengerti penukaran kod seperti di bawah:

Code-switching is the selection by bilinguals or multilinguals of forms from an embedded language (or languages) in utterances of a matrix language during the same conversation. The matrix language is the main language in code switching utterances a number of ways, while the embedded has the lesser role. The general argument is that code switching is not qualitatively different from other naturally occurring of the matrix language

(Carol Myers-Scotton, 1993)

Daripada penerangan yang diberikan oleh Carol Myers-Scotton (1993), dapatlah disimpulkan bahawa terdapat dua unsur bahasa dalam sesuatu ujaran penukaran kod. Unsur pertama yang menyampaikan makna atau isi utama dikenali sebagai unsur wahana. Manakala, unsur yang kedua adalah unsur sematan yang berperanan menyampaikan isi sampingan.

Sebagai kesimpulan, Teo Ai Chinn (2001), Poplack dan Carol Myers-Scotton (1993) mengemukakan beberapa ciri-ciri asas penukaran kod iaitu kebolehan dwibahasa, kelicinan perbualan, ciri keuniversal bahasa, hubungan genetik antara bahasa serta unsur wahana dan unsur sematan.

2.6 Fungsi-Fungsi Dan Strategi Penukaran Kod.

Pada lazimnya penutur menggunakan bahasa atas beberapa fungsi yang tertentu. Begitu juga dalam fenomena penukaran kod, pengakji dari luar negara mahupun tempatan telah menjalankan beberapa kajian mengenai fungsi atau strategi penukaran kod. Pengkaji-pengkaji seperti Gumperz (1977), Zainab Mokthar (2004), Kachru (1983), Rayfield (1970), Iliana Reyes (2004), Teo Kok Seong (1996), Karen Kow Yip Cheng (2003), Wan Imran Mohamed Woojdy (2001) serta Arthur (2001) telah mengkaji fungsi dan strategi penukaran kod.

Pengkaji terawal Gumperz (1977:14-18), menyatakan terdapat enam fungsi dalam penukaran kod perbualan (conversational code-switching). Ianya adalah seperti berikut:

- i. Petikan (quotation)
- ii. Spesifikasi pesapa (addressee specification)
- iii. Kata seruan (interjection)
- iv. Pengulangan (repetition)
- v. Kecekapan mesej (message qualification)
- vi. Keperibadian lawan keobjektifan (personalization vs objectivization)

Apa yang diutarakan oleh Gumperz telah dikembangkan oleh seorang lagi pengkaji linguistik iaitu Pascasio (1978). Dalam kajiannya, beliau menambah dua lagi fungsi komunikasi penukaran kod yang tidak terdapat dalam kajian Gumperz. Ianya seperti berikut, **Pertanyaan lawan memberi maklumat** (inquiry vs objectivization) dan **Ungkapan yang menggambarkan kesopanan** (expression of politeness).

Pertanyaan lawan memberi maklumat (inquiry vs objectivization) adalah digunakan untuk menukar kod bagi membezakan antara memberi maklumat atau menyoal. Manakala, fungsi kedua iaitu Ungkapan yang menggambarkan kesopanan (expression of politeness) berperanan menukar kod untuk menggambarkan kesopanan seseorang penutur melalui kod yang digunakan.

Tambahan pula, pengkaji tempatan Zainab Mokhtar (2004:22), pula telah memperkenalkan dua lagi fungsi komunikasi penukaran kod dalam kajiannya sepertimana yang dinyatakan oleh Poplack (1988) dan Rayfield (1970). Fungsi komunikasi penukaran

kod pertama yang dinyatakan oleh Zainab Mokhtar (2004:22) adalah **Ungkapan kemudahan** (facility expression). Fungsi komunikasi penukaran kod ini membolehkan penutur menyampaikan mesej atau meluahkan perasaan melalui ungkapan yang lebih ringkas, jitu dan lebih bermakna.

Fungsi komunikasi penukaran kod kedua yang dinyatakan oleh Zainab Mokhtar (2004:22) adalah **Perubahan dalam alat retorik** (rhetorical device). Fungsi komunikasi ini digunakan dalam banyak cara untuk memberi penekanan atau kesan tertentu yang istimewa dalam sesuatu ujaran seperti penekanan yang menandakan perbezaan (emphasis to signify contrast), sikap menghormati (flagging of attitude), pengelakkan tanda (avoidance of marking) dan penukaran topik (change of topic).

Manakala Kachru (1983), menyatakan perlakuan penukaran kod berfungsi sebagai **pengenalan peranan** (role identification) apabila ia digunakan untuk menyampaikan maklumat sosial mengenai penutur supaya lebih dikenali, dihormati dan sebagainya. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai **pengenalan laras** atau juga dikenali sebagai **pengenalan daftar** (register identification). Fungsi ini digunakan untuk menanda konsep atau istilah yang digunakan dalam sesuatu bidang seperti pendidikan, sains, teknologi dan sebagainya.

Ong Kin Suan (1990), telah mengkaji penukaran kod berdasarkan gabungan fungsi komunikasi yang digariskan oleh Gumperz (1972) dan Jacobson & Safiah Osman (1987). Kajian beliau juga melihat arah penukaran kod iaitu sama ada dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu atau sebaliknya. Beliau juga mengkaji kekerapan bahasa yang digunakan sewaktu penukaran kod. Hasil kajiannya didapati, penutur yang mempunyai darjah kemahiran bahasa Inggeris yang rendah kerap melakukan penukaran kod berbanding

dengan penutur yang mempunyai darjah kemahiran bahasa Inggeris yang tinggi. Ini disebabkan kerana, mereka yang kerap menukar kod adalah disebabkan pembaikan komunikasi bagi memastikan kesinambungan serta kelancaran dalam sesuatu perbualan.

Karen Kow Yip Cheng (2003), telah menjalankan satu kajian untuk mengkaji bagaimana penukaran kod digunakan untuk sesuatu tujuan oleh kanak–kanak prasekolah di Malaysia dalam kalangan kanak–kanak yang berumur antara empat hingga enam tahun. Hasil kajiannya, beliau mendapati bahawa kanak–kanak menggunakan penukaran kod sebagai strategi komunikasi seperti orang dewasa. Namun begitu, perbezaan yang dikenalpasti adalah kanak–kanak menggunakan strategi komunikasi sebagai satu strategi yang inovatif. Sampel kajian, menukar kod untuk tujuan menyampaikan sesuatu mesej dengan lebih efisien dan berkesan (*efficient and effective*). Maka, Karen menganggap kanak–kanak adalah penutur yang kreatif.

Iliana (2004), turut menjalankan kajian yang sama seperti yang disebut oleh Karen (2003). Beliau telah mengkaji fungsi–fungsi penukaran kod dalam perbualan antara kanak–kanak sekolah yang berumur antara tujuh hingga sepuluh tahun. Kajiannya bertujuan untuk menganalisis fungsi–fungsi penukaran kod dalam perbualan antara rakan sebaya. Dalam kajiannya, Iliana memfokuskan aspek perhubungan antara fungsi–fungsi penukaran kod dengan perkembangan kecekapan komunikasi sebagai aspek utama. Hasil kajian menunjukkan kanak–kanak menukar kod kerana berasa lebih selesa menggunakan bahasa natif berbanding dengan bahasa lain terutamanya dalam aktiviti penyelesaian masalah dalam mata pelajaran Sains. Manakala, murid yang lebih tua mengambil kira kecekapan dwibahasa yang diperolehi oleh rakan sebaya dan juga orang dewasa serta menjadi mahir dalam menggunakan penukaran kod.

Wan Imran Mohamed Wooljdy (2001), dalam kajiannya “Strategi Perbualan di Internet Relay Chat” telah membincangkan aspek penukaran kod, paralinguistik, penyingkatan dan slanga sebagai strategi–strategi yang digunakan dalam perbualan di IRC (Internet Relay Chat). Beliau berpendapat penukaran kod yang berlaku di IRC merupakan satu strategi komunikasi oleh para penutur dwibahasa di IRC untuk mencapai kesan retorik yang diinginkan seperti :

- i. Memerihalkan sesuatu dengan realistik
- ii. Memberi penekanan dalam ujaran
- iii. Meluahkan perasaan
- iv. Membuka dan menyambung cerita
- v. Meningkatkan masa komunikasi
- vi. Menjimatkan tenaga sewaktu menaip
- vii. Menunjukkan identiti warga metropolitan
- viii. Menunjukkan kecanggihan dalam pertuturan
- ix. Menghindarkan penggunaan kata ganti nama penanda status
- x. Mengujarkan sesuatu dengan lebih kreatif.

Wan Imran Mohamed Wooljdy merumuskan bahawa penukaran kod yang berlaku di IRC memudahkan lagi pemahaman apabila ia menjadi satu strategik komunikasi yang berkesan dan kreatif. Tambahan pula, penukaran kod yang berlaku di IRC tidak menjejaskan makna perbualan dalam kalangan penuturnya dalam sesuatu komunikasi.

Pengkaji-pengkaji yang mengkaji fungsi-fungsi atau strategi penukaran kod berpendapat bahawa perlakuan penukaran kod digunakan sebagai satu strategik yang memenuhi keperluan komunikasi penutur dwibahasa dan multibahasa. Fungsi-fungsi yang ditemui sejak awal hingga kini semakin bertambah mengikut keperluan komunikasi penutur. Fungsi-fungsi penukaran kod ini, memainkan peranan penting dalam menjayakan sesuatu komunikasi.

2.7 Faktor-faktor yang mempengaruhi Penukaran kod.

Ada beberapa pengkaji luar negara dan tempatan telah mengkaji mengenai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penukaran kod dalam kalangan penutur. Teo Ai Chinn (2001), mengatakan faktor sosial dan dimensi sosial mempengaruhi berlakunya penukaran kod. Aspek sosial yang dibincangkan adalah seperti taraf pendidikan, status, umur, jantina, persekitaraan, tempat kerja, topik perbualan dan masyarakat dwibahasa mempengaruhi berlakunya penukaran kod. Manakala pada peringkat dimensi sosial yang diutarakan oleh beliau adalah seperti jarak sosial, status peserta, formaliti setting atau jenis interaksi dan fungsi refrensyel dan efektif sesuatu topik. Selain itu, beliau juga menyatakan faktor-faktor seperti budaya, sistem pendidikan negara, aktiviti peminjaman bahasa, penggantian warna emosi atau warna kehendak penutur mempengaruhi fenomena penukaran kod.

Seorang lagi pengkaji tempatan Maya Khelmani David (2003), telah menjalankan satu kajian dalam bidang sosiolinguistik. Kajian Maya Khelmani mengenai peranan dan fungsi penukaran kod dalam mahkamah di Malaysia. Dalam kajiannya beliau menggariskan

sepuluh sebab penukaran kod dilakukan dalam perbicaraan di mahkamah. Ianya seperti dibawah ;

- i. Kebiasaan ataupun tabiat menggunakan penukaran kod.
- ii. Pemilihan bahasa mengikut penutur berlainan.
- iii. Untuk istilah teknikal.
- iv. Untuk menyatakan perkara asing bagi sesuatu budaya.
- v. Kerana kecekapan yang terhad dalam sesuatu bahasa.
- vi. Untuk memberi penekanan.
- vii. Sebagai strategi komunikasi – mengajuk seseorang (to quote someone)
- viii. Pilihan bahasa yang non–reciprocal.
- ix. Pemindahan bahasa.
- x. Kewibawaan kuasa.

Beliau menyimpulkan bahawa penukaran kod wujud kerana faktor situasi seperti merujuk kepada orang yang bercakap dengan siapa. Pada situasi yang lain pula, ia wujud atas sebab metafora dan pragmatik seperti memberi arahan, mengajuk seseorang, memberi penekanan dan terutamanya dalam setting di mahkamah. Tambahan pula, penukaran kod yang digunakan di mahkamah Malaysia adalah sebagai strategi komunikasi yang mendesak saksi mahupun pesalah memberi jawapan yang diperlukan. Maka, keadaan memaksa si saksi mahupun pesalah meluahkan isi hatinya sedangkan penggunaan bahasa tidak diberi keutamaan disitu. Oleh yang demikian, Maya Khelmani David berpendapat percampuran kod di mahkamah Malaysia adalah bagi mencapai sesuatu tahap strategi dan matlamat profesional.

Pengkaji tempatan Jariah Mohd Jan (2003), telah menjalankan kajian mengenai fenomena penukaran kod dengan memetik beberapa perbualan antara orang dewasa yang bekerja dalam mesyuarat rasmi. Hasil kajiannya didapati, ada peserta menukar kod mengikut kesesuaian keperluan mereka. Beliau juga mendapati peserta yang mempunyai kuasa menukar dengan sebab memberi penekanan pada arahnya dan juga untuk menunjukkan keanggotaan dalam sesuatu kelas sosial. Maka, beliau berpendapat bahawa penukaran kod pada konteks formal adalah satu alat kuasa (power instrument) wacana perbualan yang dimiliki oleh orang atasan dalam sesuatu pentadbiran.

Ada juga pengkaji mengatakan pengaruh dialek adalah salah satu faktor bagi berlakunya penukaran kod. Kajian Teo Kok Seong (1996) dan Kang Choo Bee (2001) terhadap fenomena penukaran kod dalam kalangan komuniti minoriti Kelantan menunjukkan kewujudan pengaruh bahasa Melayu dialek Kelantan dalam bahasa ibunda Cina peranakan Kelantan. Mereka mendapati situasi ini adalah disebabkan hasil daripada kesan proses asimilasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat peranakan Cina di Kelantan. Selain itu, beliau juga mendapati wujudnya persamaan struktur frasa nama dan susunan leksikal dalam pembinaan frasa antara bahasa Melayu dialek Kelantan dengan bahasa Cina peranakan Kelantan.

Tambahan pula, seorang lagi pengkaji tempatan iaitu Zuraidah Mohd. Don (2003:21-38), telah menjalankan kajian mengenai fenomena penukaran kod antara bahasa Melayu Standard dan dialek Kelantan. Hasil kajiannya menunjukkan penukaran kod dilakukan atas sebab menunjukkan identiti kawasan dan keanggotaan sesuatu kumpulan. Penutur Kelantan menukar kod kerana berasa selesa menggunakan dialek mereka apabila berbual dengan orang setempatnya.

Secara keseluruhan, kajian ini menerangkan masyarakat dari negeri Kelantan menukar kod dari bahasa Melayu standard ke dialek Kelantan kerana semangat kenegeriannya. Manakala, mereka menukar kod dari dialek Kelantan ke bahasa Melayu standard apabila perbualannya melibatkan dengan orang luar. Ini kerana kemungkinan besar orang luar tidak fasih mahupun tidak mahir dalam penguasaan dialek Kelantan. Maka, penutur kelantan terpaksa menggunakan bahasa Melayu standard sewaktu berkomunikasi dengan orang luar. Secara tidak langsung keadaan ini mencetuskan berlakunya percampuran kod.

Kesimpulannya, menurut pandangan pengkaji-pengkaji luar negara mahupun tempatan mengenai faktor-faktor berlakunya penukar kod jelas membuktikan bahawa, faktor utama berlakunya fenomena penukaran kod adalah kerana penutur berdwibahasa dan multilingual. Selain itu, faktor-faktor sosial dan dimensi sosial seperti taraf pendidikan, status, umur, jantina, persekitaraan, tempat kerja, topik perbualan, jarak sosial, status peserta, formaliti setting atau jenis interaksi dan fungsi refrensyel dan efektif sesuatu topik juga menjadi faktor-faktor sampingan bagi berlakunya penukaran kod.

2.8 Kesimpulan

Pada keseluruhannya, melalui kajian perpustakaan yang dijalankan didapati pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara telah menjalankan kajian dari pelbagai aspek mengenai fenomena penukaran kod. Bab ini menerangkan tentang penukaran kod dari perspektif linguistik dan sosiolinguistik. Selain itu, bab ini juga membincangkan ciri-ciri penukaran kod, fungsi dan strategi penukaran kod serta faktor-faktor berlakunya penukaran kod yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji negara dan luar negara.

Pandangan pengkaji-pengkaji dalam kajian perpustakaan menjelaskan bahawa penutur dwibahasa dan kemahiran pelbagai bahasa mempengaruhi berlakunya fenomena penukaran kod di mana dwibahasa menjadi satu strategi komunikasi dalam perbualan. Dalam situasi bilik darjah pula, adakalanya guru-guru melakukan percampuran kod dalam penyampaian isi pembelajaran. Ini memudahkan guru-guru menjalankan aktiviti pengajaran di bilik darjah. Maka, murid-murid juga menukar kod secara tidak sengaja dalam perbincangan kelas dan keadaan ini juga membantu mereka memahami isi pelajaran dan melibatkan dirinya secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Sebagai kesimpulannya, kebanyakan pengkaji menyatakan bahawa penukaran kod yang berlaku dalam masyarakat dwibahasa atas beberapa fungsi dan faktor yang tertentu. Pada dasarnya, fenomena percampuran kod adalah salah satu strategi komunikasi perbualan bagi memenuhi keperluan komunikasi dalam kalangan masyarakat dwibahasa. Tinjauan dari kajian-kajian ini, memberikan gambaran yang jelas dan luas kepada pengkaji mengenai bidang penukaran kod.